

# UniMAP - Kolej KLIA Meterai MOU



Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Kolej Profesional dan Pengurusan KLIA (Kolej KLIA) telah memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bagi meluaskan jaringan kerjasama dalam program akademik serta penyelidikan bersama. Pada majlis tersebut UniMAP diwakili Naib Canselornya, Brig. Jen. Datuk Prof. Dr. Kamarudin Hussin manakala Kolej KLIA diwakili oleh Ketua Eksekutifnya, Mejar (B) Ir. Kamarulzaman Musa.

Majlis menandatangani MoU yang berlangsung di Kolej KLIA, Sepang bersempena dengan perasmian *Construction Safety Mock Up*, disaksikan oleh Menteri Kerja Raya, Datuk Hj. Fadillah Hj. Yusof. Datuk Prof. Dr. Kamarudin berkata, UniMAP mengalu-alukan Kolej KLIA sebagai rakan strategik dan bersedia berkongsi kepakaran yang dimiliki bersama samada dari aspek akademik mahupun bidang penyelidikan.